

# Pupuk suasana saling menghormati, kata Kasim

JB/10/02/2011/A3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

KOTA KINABALU: Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr. Kasim Md. Mansur menyeru agar suasana saling memahami dan hormat-menghormati dalam kalangan mahasiswa dipupuk dan dijadikan tradisi.

Menurutnya, suasana harmoni yang wujud dari pelbagai kaum di UMS dapat diterapkan melalui penganjuran program atau aktiviti berlandaskan perayaan dan sambutan setiap kaum.

Sebagai contoh, katanya, penganjuran Pesta Angpau boleh dianggap sebagai saluran untuk mengeratkan hubungan dan memupuk perpaduan di kalangan warga kampus UMS.

"Kita sangat beruntung kerana Malaysia merupakan negara yang menyambut semua perayaan bersama-sama tanpa mengira bangsa dan



**YEE SANG...**Sebagai tradisi sambutan Tahun Baru Cina, upacara menggaul 'yee sang' pasti tidak ketinggalan diadakan. Kelihatan Ismail (tengah) Goh (tiga kiri) bersama tetamu jemputan lain menggaul yee sang.

agama," katanya pada majlis Pelancaran Pesta Angpau UMS 2011 di sini kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

(PPIB), Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Kasim berkata, bukan sesuatu yang janggal untuk melihat masyarakat Melayu, Cina, India, mahupun kaum

lain duduk bercerita dan tertawa dalam satu majakerana ia melambangkan konsep 1Malaysia yang diamalkan di negara ini.

Justeru, beliau berharap

program seperti Pesta Angpau dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memantapkan perpaduan dan mengekalkan keharmonian khususnya kepada warga kampus yang cemerlang.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pesta Angpau UMS, Goh Su En, berkata tahun ini, pelbagai aktiviti menarik dijalankan sempena dengan program berkenaan dan pengisian yang lebih mantap dan baik turut diusahakan.

Menurutnya, tidak ada guna hidup dalam satu kelompok sekiranya masih rasa terasing dengan budaya kaum lain dan dengan peluang yang ada, para pelajar perlu mengambil kesempatan untuk berkongsi dan mempelajari budaya lain.

Pada majlis itu, selain berpeluang menggaul makanan tradisi sempena Tahun Baru Cina 'yee sang' bersama-sama, Ismail dan tetamu jemputan lain turut berkesempatan dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan tarian singa.